

22 JAN 1997

LION: KAMI MASIH BERMINAT DALAM PERWAJA STEEL

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Lion Group Bhd hari ini berkata syarikat itu masih lagi berminat untuk menyertai dalam usaha menyelamatkan dan penswastaaan Perwaja Steel Sdn Bhd tetapi penglibatannya tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditawarkan oleh kerajaan.

Pengerusi dan pengarah urusan Lion, Tan Sri Willian Cheng berkata kerajaan belum lagi secara rasmi menyatakan syarat-syarat muktamadnya.

Beliau menekankan bahawa Lion masih berminat memegang kepentingan di dalam Perwaja Steel antara 30 dan 49 peratus.

"Kami menegaskan bahawa kami masih berminat tetapi ia akan bergantung pada syarat-syarat tertentu. Kami menjangka rundingan dengan pihak kerajaan akan selesai dalam sebulan dua ini," katanya kepada pemberita selepas majlis pemeteraian nota kadar terapung berjamin sebanyak AS\$100 juta oleh Amsteel Capital Holdings Sdn Bhd di sini hari ini. Amsteel Capital adalah sebahagian daripada Lion Group.

Cheng menegaskan bahawa Lion lebih berminat untuk mengetahui syarat-syarat rancangan penyelamat lebih daripada ekuiti semata-mata.

Ditanya tentang kaedah penyertaan Lion, Cheng berkata syarikat terlebih dahulu perlu berbincang dengan Maju Holdings Sdn Bhd yang kini mempunyai kepentingan 51 peratus di dalam Perwaja Steel.

Lion telah ditawarkan 30 peratus ekuiti di dalam Perwaja Steel kira-kira tujuh bulan lalu tetapi ia tidak membuat sebarang komitmen ketika itu. Ini berlaku sungguhpun satu perjumpaan diadakan dengan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Perwaja Steel pada Jun lalu.

Pada Oktober lalu, pengumuman dibuat bahawa Lion tidak berminat berhubung rancangan menyelamatkan Perwaja Steel yang menanggung beban hutang serta kerugian beribu-ribu juta ringgit.

Pada 6 Jan tahun ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata kerajaan masih terbuka terhadap tawaran oleh syarikat-syarikat yang berminat dalam usaha menyelamatkan dan penswastaaan Perwaja Steel selain daripada Maju Holdings.

Ketika Dr Mahathir ditanya sama ada beliau berpendapat beberapa syarikat boleh bekerjasama dalam usaha menyelamatkan berkenaan, beliau berkata perasaan beliau tidak begitu penting tetapi apa yang lebih penting ialah bagaimana syarikat-syarikat itu sendiri berpendapat.

Perdana menteri juga mengumumkan bahawa kerajaan akan menyerap segala hutang dan kerugian Perwaja Steel bagi membolehkan pihak penyelamat (Maju Holdings) memulakan usaha tanpa menanggung bebanan hutang.

Cheng berkata Lion dan Maju belum lagi mengambil "kesimpulan yang tepat" tetapi menambah kata bahawa kedua-dua belah pihak "ikhlas untuk bekerjasama."

Ditanya mengapa kumpulan itu menarik diri sebelum ini, beliau menjelaskan bahawa fasa pertama rancangan menyelamatkan itu membabitkan pengurusan berkongsi dari Julai hingga ke Disember 1996 dan bahawa Lion Group juga perlu memasukkan RM200 juta.

Beliau berkata Lion Group sebagai syarikat awam, tidak menyertainya kerana ia kurang pasti akan syarat-syarat bagi penwastaaan dan usaha menyelamatkan itu.

Bagaimanapun, katanya Lion kini berminat dalam penswastaaan Perwaja dan bersedia memasukkan wang ke dalam syarikat yang bermasalah itu. -- BERNAMA

SHO MA/sia

